

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Saturday, November 18, 2017 6:06 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: Dermawan Terkenal, Selebriti Chef Terima Ijazah Kehormat



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



18 NOVEMBER 2017 / 29 SAFAR 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

DERMAWAN TERKENAL, SELEBRITI CHEF TERIMA IJAZAH KEHORMAT



UUM ONLINE: Dua tokoh tersohor, Tan Sri Dato' Paduka Dr Fng Ah Seng dan Datuk Redzuawan Ismail atau lebih dikenali sebagai Chef Wan dikurniakan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah daripada Universiti Utara Malaysia (UUM) sebagai pengiktirafan kepada sumbangan serta ketokohan mereka kepada negara dalam bidang masing-masing sempena Majlis Konvokesyen UUM ke-30.

Usahawan dan dermawan yang banyak melakukan kerja-kerja amal, Tan Sri Dato' Paduka Dr Fng Ah Seng menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Tanggungjawab Sosial Korporat) sementara Chef Wan dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Seni Kuliner) atas sumbangan lebih 30 tahun beliau dalam mengharumkan nama negara menerusi bidang masakan.

Berucap pada majlis itu, Tan Sri Dato' Paduka Dr Fng Ah Seng meluahkan rasa syukur dan terharu dengan pengiktirafan tinggi yang dianugerahkan UUM kepadanya dan akan menghargai pengiktirafan tersebut dengan kemampuan dan kedudukan yang ada padanya untuk terus melakukan kerja-kerja kebajikan dan menyumbang kembali kepada masyarakat.

Sementara itu Chef Wan pula berkata anugerah tersebut menjadi perangsang untuk dirinya terus berusaha dengan lebih gigih bagi meningkatkan lagi prestasi diri dan turut sama memberikan sumbangan kepada UUM, masyarakat dan negara yang tercinta.

Penganugerahan Ijazah Kehormat tersebut disampaikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah pada sesi pertama Majlis Konvokesyen Ke-30 UUM di Dewan Mu'adzam Shah.

Baginda turut mengucapkan tahniah kepada kedua-dua individu tersebut yang telah memberikan sumbangan dalam bidang keutamaan mereka, dan juga kepada negara bangsa.

“Pada pengamatan Beta, anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah ini merupakan pengiktirafan atas kegigihan serta sumbangan mereka kepada universiti dan negara. Beta juga ingin mengucapkan tahniah, kepada semua graduan Konvokesyen UUM Ke-30,” titah baginda.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.